

29/10/1997

Misi dagang PM demi pelabur

Wan Sabariah Shikh Ali

KESUNGGUHAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai misi dagang ke beberapa negara tidak dikenali ialah kerana mahu pelabur Malaysia memiliki kelebihan dalam meneroka pasaran baru sebagai persediaan menghadapi era globalisasi perdagangan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Perdana Menteri sanggup membuat lawatan berkali-kali ke wilayah Komanwel Negara Berdaulat (CIS) seperti Kyrgyz dan Slovenia untuk membuka laluan kepada syarikat tempatan.

Sambil menangkis sekeras-kerasnya kritikan sesetengah pihak terhadap keghairahan Perdana Menteri mengetuai rombongan perdagangan ke negara berkenaan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata:

"Nama sesetengah negara ini pun sukar kita menyebutnya. Tetapi ini adalah misi berpandangan jauh untuk meneroka pasaran baru dan mengurangkan pergantungan Malaysia kepada pasaran tradisional dalam era globalisasi perdagangan.

"Kita mungkin tidak memperolehi pasaran ini hari ini atau tahun depan. Bagaimanapun, apabila mereka mula membuka pasaran masing-masing, Dr Mahathir mahu memastikan pelabur Malaysialah orang asing yang mula-mula sekali mereka lihat. Tugas beliau ialah menegakkan bendera Malaysia di pasaran baru ini," katanya.

Rafidah berkata demikian kepada lebih 1,000 peserta Persidangan Industri Kebangsaan 1997 anjuran Biro Pembangunan Perdagangan dan Industri MCA serta Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMI Malaysia) di Petaling Jaya, semalam.

Sesetengah pihak berpendapat minat yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir terhadap pasaran baru muncul seperti negara CIS dan Amerika Latin tidak begitu menguntungkan. Malahan segelintir menyifatkan lawatan beliau lebih bersifat kunjungan peribadi selepas hampir 16 tahun menjadi Perdana Menteri.

Rafidah berkata, pandangan sempit seperti itu tidak mengambil kira saiz pasaran negara berkenaan yang berjumlah hampir 20 juta penduduk.

"Anda mungkin tidak menimbangkan bahawa negara kecil secara terkumpul akan membentuk pasaran besar. Dua puluh juta bukan pasaran kacang putih. Ia malah lebih baik daripada satu pasaran tradisional yang besar dengan persaingan sengit," tegasnya.

(END)